

TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH DESA MADANI TAHUN 2024

21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)
2:30 PETANG

DEWAN D, TAMAN EKSPO PERTANIAN MALAYSIA (MAEPS) SERDANG





Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Salam Segulai Sejalai,

Salam Luar Bandar Sejahtera.

Terima Kasih Saudara/ Saudari

Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allaw SWT kerana atas limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam satu majlis yang cukup istimewa iaitu **Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Desa Madani Tahun 2024** di MAEPS Serdang pada hari yang berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan dan merakamkan ucapan tahniah saya kepada **42 buah**

kampung yang telah hadir pada majlis yang penuh bermakna ini.

3. Ketahuilah bahawa keberadaan anda semua di sini melambangkan anda adalah terbaik di antara yang terbaik, ***"Best among the best".***

4. Daripada 115 yang bertanding, berbanggalah yang anda semua merupakan 42 buah kampung yang terbaik dari seluruh pelusuk negara Malaysia ini. Berikan tepukan gemuruh kepada diri anda sendiri.

PENDAHULUAN

Tuan-tuan puan-puan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Desa atau kampung memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan sosial, ekonomi, dan budaya masyarakat.

6. Namun begitu, desa atau kampung pada zaman dahulu tidak sama dengan zaman sekarang.

7. Banyak perubahan yang berlaku yang mencerminkan peralihan dari kehidupan tradisional kepada yang lebih moden, namun masih dalam acuan kita yang tersendiri yang memelihara unsur budaya dan adat resam.

8. Zaman sebelum kemerdekaan, kawasan desa adalah pusat kehidupan komuniti dengan aktiviti utama bergantung kepada pertanian, seperti padi, getah dan kelapa, sebagai sumber ekonomi utama.

9. Selepas kemerdekaan, Kerajaan mula memberikan tumpuan kepada pembangunan luar bandar melalui **Rancangan Malaysia Pertama** yang bertujuan **meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar.**

10. Sektor pertanian mula mengaplikasikan teknologi dan sistem pendidikan mula meluas dengan peningkatan literasi di kalangan masyarakat luar bandar.

11. Sektor pertanian mula mengaplikasikan teknologi dan sistem pendidikan mula meluas dengan peningkatan literasi di kalangan masyarakat luar bandar.

12. Apabila ini berlaku, penduduk luar bandar mula berhijrah ke kawasan bandar bagi mencari peluang pekerjaan dan ini menyebabkan trend urbanisasi yang ketara dan berlaku pengurangan populasi desa dan kampung.

13. Bermula dari era tahun 1990-an sehingga kini menyaksikan pelbagai perubahan ekonomi dan sosial yang banyak memberi kesan yang signifikan kepada kehidupan.

14. Infrastruktur desa telah berjaya dipertingkatkan seperti pembinaan jalan raya, bekalan elektrik dan air bersih dan juga kemudahan komunikasi seperti akses kepada internet.

15. Perkembangan sektor pelancongan desa seperti **inap desa** atau ***homestay*** dan **ekopelancongan** juga tidak kurang hebatnya yang menjadi sumber pendapatan baharu dan membantu dalam mempromosikan warisan budaya tempatan.

16. Tidak dinafikan banyak desa dan kampung yang membangun dengan memanfaatkan teknologi seperti ***Internet of Things*** **(IoT)** terutamanya dalam bidang pertanian bagi meningkat produktiviti.

17. Kerjasama dalam pelan pembangunan masa hadapan bagi kawasan luar bandar berhasrat untuk menjadikan kawasan perdesaan lebih menarik dengan kehidupan yang moden dengan menerapkan gaya hidup lestari, namun tetap berakar pada identiti tradisionalnya.

18. Sehubungan itu, saya memang berasa amat teruja pada hari ini kerana dapat bersama-sama dengan barisan kepimpinan JPKK / JPKKP / JPKKOA dan JKK (Sarawak) seramai **840 orang** bagi **Majlis**

Penyampaian Hadiah Anugerah Aspirasi Desa MADANI (ADM) Tahun 2024.

19. Untuk makluman sidang hadirin sekalian, penganjuran **Anugerah Aspirasi Desa MADANI** yang kita raikan pada hari ini adalah satu bentuk usaha yang sangat signifikan dalam mengiktiraf kecemerlangan dan aspirasi kepimpinan dan komuniti desa dalam pembangunan masyarakat.

20. Program ini selari dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa komuniti desa ke arah pembangunan holistik, mampan dan inklusif ke arah **Luar Bandar Sejahtera** menjelang tahun **2030**.

21. Justeru, kita perlu memastikan bahawa pembangunan desa tidak ketinggalan, perlu dipacu secara holistik dan sistematik dengan lebih inovatif dan progresif.

22. Di dalam perspektif yang sama, anugarah ini bukan sahaja mengiktiraf sumbangan luar biasa oleh kampung-kampung dalam memajukan komuniti setempat, tetapi ia juga menekankan prinsip yang selari dengan **enam (6)** teras utama Malaysia MADANI, iaitu **Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.**

23. Kriteria penilaian dalam anugerah ini dibentuk berdasarkan sinergi enam (6) teras utama Malaysia MADANI ini serta konsep **Kampung Sejahtera** yang dihasratkan oleh pihak Kementerian.

24. Sesi penilaian Anugerah Aspirasi Desa MADANI yang berlangsung selama hampir **tiga (3) bulan** bermula pada **14 Julai 2024** berakhir pada **7 September 2024** di semua negeri ini melibatkan penilaian yang komprehensif dari aspek **Ekonomi Berdaya Saing, Kemampanan**

Desa, Tadbir Urus Berkesan, Kesejahteraan Desa, Modal Insan Berkualiti serta Inovasi dan Aspirasi.

25. Dengan penekanan kepada aspek-aspek ini, kita dapat melihat betapa pentingnya peranan komuniti desa dalam mencorak masa depan negara.

26. Kita sentiasa dipesan bahawa ***Dunia hari ini adalah pinjaman dari Generasi Masa Hadapan.***

27. Natijahnya, kampung yang berjaya di dalam pertandingan ini diyakini mampu menjadi model kepada pembangunan kampung-kampung yang lain.

TRANSFORMASI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Tuan-tuan puan-puan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

28. Kami di KKDW sentiasa komited untuk memastikan aspirasi untuk membawa perubahan yang signifikan atau transformasi kepada kawasan luar bandar.

29. Matlamat di KKDW sentiasa komited untuk memastikan aspirasi untuk membawa perubahan yang signifikan atau transformasi kepada kawasan luar bandar.

30. KKDW melalui pelbagai program *community-driven* atau program-program yang dipacu oleh komuniti, menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam merancang dan melaksanakan inisiatif pembangunan.

31. Usaha ini selaras dengan prinsip bahawa komuniti adalah pemacu terbaik ke arah kesejahteraan dan kemakmuran bersama, serta akhirnya transformasi pembangunan luar bandar dapat dicapai dengan jayanya.

32. Kajian- kajian yang dilaksanakan oleh Bank Dunia juga membuktikan bahawa dalam memastikan kejayaan program-program berpacukan komuniti, kepentingan kepimpinan setempat, pembangunan keupayaan dan penglibatan komuniti yang aktif

adalah sangat penting bagi memastikan manfaat pembangunan mapan dapat dicapai.

33. Oleh hal demikian, sekali lagi saya ingin saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua penerima **Anugerah Aspirasi Desa MADANI** pada hari ini kerana tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja mewakili komuniti desa progresif, malahan bukti bahawa kampung-kampung kita mampu mencapai kecemerlangan dengan berpegang kepada teras utama Malaysia MADANI.

34. Sesungguhnya kejayaan tuan-tuan dan puan-puan ini bukan sahaja memberi inspirasi kepada kampung-kampung lain, malah ia memperkuatkan mesej bahawa pembangunan desa bukan sekadar berkaitan dengan aspek ekonomi atau infrastruktur, tetapi juga mencakupi pembangunan modal insan masyarakat yang berteraskan prinsip kemanusiaan, keberdayaan, dan kelestarian.

35. Mengulas akan kejayaan ini, selain dari kekuatan kepimpinan Ketua Kampung, Ketua Komuniti atau Ketua Kaum, setiap Biro dalam Jawatankuasa juga telah terbukti berjaya memenuhi aspek penilaian yang ditetapkan.

36. Usaha keras tuan-tuan dan puan-puan dalam memperkasa komuniti, memajukan ekonomi tempatan, menjaga kelestarian alam sekitar serta mengekalkan nilai-nilai hormat dan ihsan adalah manifestasi kepada usaha Kerajaan dalam melahirkan

kepimpinan dari kalangan komuniti desa yang mempunyai misi dan visi sealiran dengan Kerajaan.

HARAPAN KEPADA PEMENANG ADM

Tuan-tuan puan-puan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

37. Kerajaan akan sentiasa terus menyokong usaha pembangunan desa dan memperluaskan peluang untuk memperkasa komuniti desa.

38. KKDW sentiasa komited untuk membantu setiap kampung mencapai potensi penuh dalam pembangunan yang inklusif.

39. Rentetan itu, besarlah saya agar pencapaian ini menjadi inspirasi untuk terus berinovasi dan menyumbang kepada kemajuan komuniti desa tuan-tuan dan puan-puan, tetapi juga membawa nama luar bandar ke tahap yang lebih tinggi.

40. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan yang berjaya hari ini berkongsi pengalaman dan amalan terbaik untuk bersama-sama membangunkan kampung-kampung di seluruh negara.

41. Teruskan usaha untuk mengangkat nilai **Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan** dalam setiap langkah yang diambil.

42. Semoga usaha ini bukan sahaja menguntungkan komuniti setempat, tetapi juga menyumbang kepada aspirasi besar negara untuk mencapai Malaysia MADANI.

43. Kementerian akan sentiasa memberi sokongan sewajarnya bagi mencapai hasrat tersebut.

44. Insya-Allah, **tiga (3) buah kampung** dari kalangan pemenang-pemenang kita pada hari ini akan dipilih oleh Kementerian untuk inisiatif projek rintis **SMART VILLAGE.**

45. Dengan kelebihan dan peluang ini, amatlah tinggi harapan saya supaya kampung-kampung yang terpilih komited untuk menjayakan program rintis tersebut dan menjadi pelopor kepada pengwujudan lebih banyak SMART VILLAGE dari kalangan pemenang ini di fasa seterusnya kelak.

PENUTUP

Tuan-tuan puan-puan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

46. Untuk kesekian kalinya saya ucapkan Tahniah dan Syabas kepada semua penerima Anugerah Aspirasi Desa MADANI pada hari ini.

47. Semoga tuan-tuan dan puan-puan sekalian terus berusaha dan bekerjasama dengan Kerajaan ke arah kemajuan yang lestari dan sejahtera, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang kita dokong bersama.

48. Saya berharap agar Anugerah Aspirasi Desa MADANI ini terus menjadi platform untuk mengiktiraf pencapaian komuniti desa dan menggalakkan lebih banyak kampung untuk berusaha memajukan diri berdasarkan prinsip-prinsip Malaysia MADANI.

49. Semoga usaha ini membawa manfaat yang besar kepada seluruh rakyat dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur dan harmoni.

50. Akhir kalam, dengan lafaz suci, **Bismillahirahmanirrahim,** saya merasmikan **Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Desa Madani Tahun 2024** dengan rasminya.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH